

D.R. 44/90

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1990 dan seksyen 3 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Oktober 1988. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Subseksyen (2) seksyen 19 Akta Saraan Hakim 1971, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Jadual" perkataan-perkataan "Pertama dan". Pindaan seksyen 19. Akta 45.
3. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan yang berikut: Pindaan Jadual Pertama.

“ JADUAL PERTAMA
(Seksyen 2(1))

| (1) <i>Hakim</i> | (2) <i>Gaji</i> (berpencen) | (3) <i>Tarikh mula</i> <i>berkuatkuasa</i> |
|--|-----------------------------------|--|
| 1. Ketua Hakim Negara | \$6,970 sebulan | 1-10-1988 |
| 2. Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya | \$6,420 sebulan | 1-10-1988 |
| 3. Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo | \$6,270 sebulan | 1-10-1988 |

| (1) <i>Hakim</i> | (2) <i>Gaji</i> <i>(berpencen)</i> | (3) <i>Tarikh mula</i> <i>berkuatkuasa</i> |
|--|--|--|
| 4. Hakim Persekutuan | \$6,020 sebulan | 1-10-1988 |
| 5. Lain-lain Hakim Mahkamah Tinggi di Malaya dan di Borneo | \$5,570 sebulan | 1-10-1988 |

emakaian. 4. Tertakluk kepada seksyen 5, seksyen 3 hendaklah dipakai bagi semua orang yang telah memegang jawatan sebagai Hakim pada 1hb Oktober 1988 atau yang telah atau dilantik sebagai Hakim selepas tarikh itu, walaupun dia mati, meletakkan jawatan atau bersara daripada, atau terhenti daripada, memegang jawatan sebagai Hakim sebelum Akta ini disiarkan dalam *Warm*.

pemilihan. 5. Seseorang yang telah memegang jawatan sebagai Hakim pada 1hb Oktober 1988 boleh, dalam tempoh satu bulan selepas Akta ini disiarkan dalam *Warta*, memilih secara bertulis supaya dia tidak tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini dan jika dia memilih sedemikian, dia hendaklah terus tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta itu seolah-olah Akta ini tidak diluluskan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Saraan Hakim 1971.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 19 (2) Akta untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk meminda atau mengubah peruntukan-peruntukan Jadual Pertama dan Kedua kepada Akta. *Fasal 3* bertujuan meminda Jadual Pertama kepada Akta untuk memperuntukkan kenaikan gaji bulanan Hakim-hakim, rnulai dari 1hb Oktober 1988. *Fasal 4* memperuntukkan bahawa *fasal 3* hendaklah terpakai bagi tiap-tiap orang yang telah atau memegang jawatan Hakim pada 1hb Oktober 1988 atau yang dilantik sebagai Hakim selepas tarikh itu. *Fasal 5* membolehkan seseorang Hakim memilih untuk tidak tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini. Jika seseorang Hakim itu memilih untuk tidak tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, dia hendaklah terus tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta itu seolah-olah Akta ini tidak diluluskan.

SARAAN HAKIM (PINDAAN)

IMPLIKASIKEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN, (U²)1617.]